



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM TIDAK BERKOMPROMI ISU BULI

17 OKTOBER 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum tinjauan yang dibuat oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) berkenaan kes buli yang melibatkan pengamal perubatan sektor awam dan swasta di Malaysia.

Saya ingin menegaskan bahawa KKM amat prihatin terhadap kebajikan semua petugas kesihatan. Justeru, sekiranya terdapat insiden buli dalam kalangan warga KKM, maka pihak KKM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak berkaitan.

Dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang mampan dan holistik, KKM telah melaksanakan sistem MyHELP yang merupakan satu platform khas bagi melaporkan isu-isu buli yang berlaku di KKM. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua petugas kesihatan untuk melaporkan

aduan mereka melalui sistem aduan tersebut yang sememangnya telus dan mempunyai tahap kerahsiaan yang tinggi.

Di samping itu, Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) yang telah ditubuhkan sebelum ini sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak KKM dalam memastikan kesihatan mental dan kebajikan warga KKM sentiasa terpelihara agar insiden seperti buli dan sebagainya dapat ditangani.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa KKM memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan isu buli dalam kalangan petugas kesihatan serta akan terus komited memastikan perkara seperti ini tidak berlaku di fasiliti kesihatan seluruh negara.

DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
17 OKTOBER 2023